



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

09 Mei 2023 (Selasa)

BILANGAN 1 /2023 (TERENGGANU)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TERENGGANU PATAHKAN PENGEDARAN ROKOK SELUDUP

KES

1. Bertindak atas maklumat awam, risikan dan intipan oleh anggota Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Terengganu, pada 06.05.2023 lebih kurang jam 1.30 petang, Pasukan Operasi Bahagian Penguatkuasaan, JKDM Terengganu telah berjaya melakukan serbuan di lokasi yang telah dikenalpasti.
2. Operasi tersebut telah berjaya merampas **4,700,000 batang** rokok seludup pelbagai jenama dan turut menyita dua buah kenderaan motolori jenis Isuzu NPR PRO dan sebuah bot fiber 12-meter beserta 2 buah jenis enjin berkapasiti 250 kuda setiap satu. Nilai rampasan adalah sebanyak **RM564,000.00** yang melibatkan Duti/Cukai berjumlah **RM3,1589,400.00**. Manakala nilai kenderaan motorlori dianggarkan RM160,000.00 dan bot dianggarkan bernilai RM100,000.00. Nilai keseluruhan rampasan termasuk cukai adalah sebanyak **RM3,982,400.00**.
3. Pasukan telah melakukan risikan di beberapa lokasi yang dikenalpasti sebagai tempat pendaratan rokok tidak sah di sekitar daerah Besut. Hasil risikan dan intipan yang dibuat berjaya mengesan aktiviti penyeludupan di lokasi yang disasarkan. Pasukan telah membuat serbuan ke lokasi yang disasarkan dan berjaya merampas rokok tak berkastam dan kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk mengangkut rokok tak berkastam. Bagaimanapun semasa anggota pasukan serbuan tiba di

lokasi, anggota sindiket berjaya melarikan diri ke dalam kawasan belukar nipah berpaya menghala ke sungai dengan meninggalkan semua kenderaan yang digunakan untuk mengangkut barang kes.

MODUS OPERANDI

4. Modus operandi yang digunakan adalah membawa masuk rokok-rokok tersebut menggunakan bot fiber sebelum dipindahkan ke dalam lori untuk diangkut dan diedarkan ke pasaran tempatan khususnya pasaran Pantai Timur dan Lembah Klang.
5. Siasatan masih lagi dijalankan bagi mengenalpasti pemilik-pemilik kenderaan motorlori yang digunakan untuk mengangkut rokok tak berkastam dan penglibatan mereka dalam aktiviti ini.

RUMUSAN

6. Rokok diklasifikasi sebagai barang larangan import yang tertakluk di bawah Butiran 66, Jadual Ketiga / Bahagian 1 / Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.

KESALAHAN

7. Kes-kes ini sedang disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Jika sabit kesalahan;

Boleh dikenakan denda tidak kurang dari sepuluh (10) kali nilai barang atau RM100,000.00 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh (20) kali nilai barang atau RM500,000.00 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.



KERJASAMA ORANG RAMAI

8. Sehubungan dengan itu orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
9. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi :
 - Talian Bebas Tol Kastam 1-800-8855,
 - atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.
10. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

MOHD NADZRI BIN ARIFFIN
PENGARAH KASTAM NEGERI
TERENGGANU
9 Mei 2023



09- 741 1100



09- 7474 709



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)